

20 AUG 2000

Said-Berita/I

MEDIA AFRIKA DIGESA TUBUH GABUNGAN DAN DIHUBUNGAN DENGAN ANN

Oleh: Mohd Arshi Daud

MAPUTO (Mozambique), 20 Ogos (Bernama) -- Malaysia pada Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (Said) 2000 yang sedang berlangsung di sini akan mencadangkan penubuhan gabungan media cetak Afrika selaras dengan penubuhan Rangkaian Berita Asia (ANN), kata seorang anggota delegasinya.

Dr Ahmed Tasir Lope Pihie, Ketua Eksekutif Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (Might) berkata gabungan media Afrika dapat memberi saingan kepada ANN daripada segi pertukaran berita di kalangan anggotanya menerusi internet.

Versi ANN Afrika yang dicadangkan itu boleh dihubungkan dengan ANN bagi pertukaran berita antara kedua-dua rantau, kata Dr Ahmed Tasir kepada pemberita Malaysia yang membuat liputan Said 2000, di sini, semalam.

ANN, ditubuhkan secara rasmi tahun lepas oleh sembilan akhbar dari 10 negara Asia, telah bertukar-tukar berita secara harian menerusi internet.

ANN dianggotai Kemboja, China, India, Indonesia, Filipina, Malaysia, Thailand, Singapura, Korea Selatan dan Vietnam. Bagaimanapun, Kemboja bukan merupakan anggota yang aktif dan ia tidak mempunyai akhbar harian.

Brunei, sementara itu, dijangka akan menyertai ANN akhir tahun ini.

Dr Ahmed Tasir berkata bahawa hubungan antara ANN dan rakannya dari Afrika seperti yang dicadangkan itu akan dapat menangkis laporan berat sebelah media barat.

"Kita tidak boleh terlalu bergantung kepada media barat untuk mendapatkan berita mengenai rakan kita di negara-negara lain," katanya.

Seorang lagi anggota delegasi Malaysia ke Said 2000, Tan Sri Ramon Navaratnam, berkata rangkaian media kedua-dua rantau adalah amat penting dalam membantu penduduk di Asia dan Afrika mengenali antara satu sama lain dengan lebih baik.

"Dengan cara ini, kita akan dapat tahu perkara sebenar apa yang berlaku di negara-negara berkenaan daripada bergantung kepada media barat yang selalunya berat sebelah dan mempunyai agenda atau pandangan mereka sendiri," katanya.

Mengenai perkembangan lain, Ramon, yang merupakan penasihat korporat kumpulan Sungeiway Group, berkata ahli perniagaan Malaysia secara umumnya perlu lebih agresif, tegas dan berorientasikan pasaran seperti yang dikehendaki oleh proses globalisasi.

"Mereka sudah bertambah baik tetapi mereka perlu berjaga-jaga dan bergerak lebih pantas. Jika tidak, ekonomi kita akan terjejas pada pertengahan jalan," katanya.

Said 2000 selama tiga hari yang bermula hari ini dihadiri oleh ketua-ketua negara dan pegawai sektor swasta dari rantau Afrika Selatan dan Malaysia.

Delegasi Malaysia diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Said 2000 merupakan yang keempat diadakan. Dengan menjadikan Dialog Antarabangsa Langkawi sebagai model, Said pertama diadakan di Kasane, Botswana, pada 1997, diikuti di Swakopmund, Namibia, tahun berikutnya dan di Victoria Falls, Zimbabwe, tahun lepas.

-- BERNAMA

MAD RHM